

# Kerajaan kaji tambah helikopter untuk bomba

BH ONLINE | Ahad, 15 Disember 2019 | 10:44am



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bercadang menambah helikopter untuk bomba bagi membantu mangsa bencana. - Foto fail

KUALA NERUS: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bercadang menambah helikopter untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi membantu mangsa bencana.

Timbalan Menterinya, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad, berkata mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail minggu lalu menetapkan agensi berkenaan menilai keperluan menambah aset terbabit.

Katanya, JBPM kini hanya memiliki lapan helikopter untuk digerakkan di seluruh negara dan jumlah itu masih tidak mencukupi.

"Kita juga akan mengkaji pangkalan udara untuk menempatkan aset terbabit supaya gerakan (menyelamat) lebih efisien dan masa tindak balas lebih cepat.

"Selain itu, kita akan rasionalisasi balik peralatan penyelamatan supaya lebih versatil dan pelbagai guna. Contohnya seperti helikopter terbabit bukan saja boleh digunakan ketika banjir tapi juga bencana lain seperti kebakaran hutan.

"Kita tidak boleh berpuas hati dengan aset yang ada hari ini dan helikopter antara alternatif yang kita putuskan untuk meningkatkan aset sedia ada. Malah, aset ini (helikopter) bukan saja boleh digunakan oleh bomba tapi juga agensi penyelamat lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Majlis Malam Apresiasi Usahawan Melayu Terengganu (MAPUMT), di sini, malam tadi.

Sementara itu, beliau juga memaklumkan, bomba membuat penyediaan untuk membawa aset dari negeri pantai barat untuk menambah keupayaan logistik bagi meningkat masa